

30 JAN 2000

MTUC

MTUC MINTA KERJASAMA MAJIKAN DALAM ISU ORDINAN BURUH

KUCHING, 30 Jan (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta majikan-majikan di Sarawak bersikap terbuka dalam isu pelaksanaan pindaan Ordinan Buruh 1959 kerana ia untuk kebajikan pekerja-pekerja yang menjadi tulang belakang kejayaan sesebuah syarikat.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata penerimaan Ordinan Buruh di kalangan majikan akan membuktikan bahawa mereka prihatin dengan kebajikan sosial pekerja-pekerja mereka.

Beliau tidak mahu majikan di Sarawak menggunakan kuasa politik atau ekonomi secara tersembunyi untuk menghalang pindaan terhadap ordinan itu bagi diselaraskan dengan Akta Pekerjaan 1955 yang dilaksanakan di Semenanjung.

"MTUC berharap proses pindaan itu dapat dijalankan secepat mungkin kerana pekerja-pekerja di Sarawak kehilangan banyak faedah di bawah Ordinan Buruh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan MTUC Sarawak yang bernilai RM300,000 di sini hari ini.

Zainal berkata antara kelemahan Ordinan Buruh Sarawak ialah dari segi faedah penamatan perkhidmatan yang mendatangkan kerugian kepada pekerja-pekerja selain daripada cuti tahunan.

"Contohnya jika sebuah syarikat menghentikan operasi, pekerja tidak akan dapat apa-apa," katanya sambil menekankan keadaan ini boleh memberi kesan kewangan buruk kepada pekerja yang telah lama berkhidmat.

Zainal berkata isu pindaan Ordinan Buruh ini sudah lama dibincangkan serta telah dibawa ke Dewan Negara dan mendapat jaminan daripada Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn untuk penguatkuasaannya secepat mungkin.

Beliau turut berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melaksanakan gaji minimum RM1,200 bagi pekerja sektor swasta seperti dicadangkan MTUC.

"Saya berharap ia boleh dilaksanakan pada tahun ini," katanya sambil menyatakan Perdana Menteri berjanji untuk melaksanakan cadangan MTUC ini selepas ekonomi pulih.

-- BERNAMA

RDY RON